

KONFLIK PENGAMBILAN TANAH ORANG ASLI : KAJIAN KES DI JOHOR DAN
SELANGOR

ZAINAL ZULHILMI ZAINAL ABIDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains
Pengurusan Teknologi

Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



JULAI 2015

PENGHARGAAN

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih terhadap penyelia utama saya iaitu Prof Madya Dr. Seow Ta Wee dan penyelia bersama iaitu Dr Azlina Binti Md. Yassin yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh menyiapkan tesis penyelidikan Sarjana ini. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Taman Negara Endau Rompin di atas pembiayaan di bawah vot kontrak C034 sepanjang kajian ini dijalankan sehingga kajian ini disempurnakan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini iaitu wakil Orang Asli daripada Desa Temuan, Kg Bukit Tampoi, Dengkil dan Kg Peta, Johor, wakil pegawai daripada Ibu Pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Kemajuan Orang Asli Johor dan Selangor, wakil pegawai daripada Pejabat Tanah dan Galian Johor dan Selangor, wakil pegawai daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Johor, wakil pegawai daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, wakil Orang Asli daripada Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia dan Prof Hassan Mat Nor daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada rakan seperjuangan iaitu saudara Mohd Nur Syufaat bin Jamiran, Saudara Mohd Azahar bin Abas serta saudari Siti Aminah binti Mohd Sam kerana telah banyak membantu dan memberi nasihat bagi menjayakan penyelidikan. Akhir kata, penghargaan ini turut ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Orang Asli merupakan golongan minoriti yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sistem Torrens yang diamalkan oleh Malaysia melalui Kanun Tanah Negara 1965 hanya memberi kepentingan terhadap tanah yang didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Tanah, manakala tanah saka Orang Asli yang diwarisi dari generasi ke generasi tidak termasuk dalam sistem pendaftaran. Objektif kajian ini adalah (1) Mengenalpasti konflik yang berlaku akibat daripada pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat, (2) Menganalisis kesan pengambilan tanah terhadap masyarakat Orang Asli yang terlibat dan (3) Menjelaskan usaha penyelesaian konflik pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah kualitatif telah digunakan melalui kaedah temubual semi struktur. Temubual ini telah dijalankan ke atas lima belas responden utama daripada pihak berkepentingan iaitu enam orang Tok Batin dan Penolong Batin bagi setiap kampung yang terlibat, dua pegawai daripada pejabat tanah Negeri Johor dan Selangor, tiga pegawai daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli , seorang pegawai daripada Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM), seorang wakil badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia , dan seorang ahli akademik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat konflik di antara masyarakat Orang Asli, konflik di antara Orang Asli dan Pihak Berkuasa serta konflik di antara agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan. Kesan pengambilan tanah dapat dilihat melalui kesan terhadap sosiobudaya, persekitaran dan ekonomi masyarakat Orang Asli yang terlibat. Kaedah penyelesaian bagi pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat adalah melalui rundingan, bayaran pampasan, menggunakan saluran mahkamah, Dasar Pemberi Milikan Tanah Orang Asli oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Inkirui Nasional oleh Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan Malaysia.

ABSTRACT

In Peninsular Malaysia, Indigenous people are minority ethnic. Torrens system that has been practiced by Malaysia government through the National Land Code 1965 is only gives priority to the land registered at Land Registry, while the land of indigenous peoples that inherited from generation before is not included in the land registration system. The objectives of this study were (1) Identify the conflict of involved Aboriginal land acquisition, (2) analyze the impact of land acquisition to indigenous communities and (3) describe the efforts taken to settle the conflict of indigenous people land acquisition. Qualitative methods were used through semi-structured interviews to achieve the objectives of this study. The interviews were conducted on fifteen major respondents from stakeholders such as six Tok Batin (leader) and assistant of Tok Batin for each village, two officials from the land office of Johor and Selangor state, three officers from Department of Orang Asli, an officer from the Commission of Rights Foundation of Malaysia (SUHAKAM), a representative of non-governmental organizations, namely the Association of Orang Asli of Peninsular Malaysia, and an academician. The findings indicate that there is a conflict among the indigenous peoples, conflict between Aboriginal and Authorities as well as the conflict between state and federal government agencies. The impact of land acquisition can be seen through the change of indigenous socio-cultural, environmental and economic. The solution for indigenous land acquisition is through consultation, compensation, using the channel of court, Land Tenure Policy of the Orang Asli by the Department of Orang Asli and national inquiry by the Human Rights Commission of Malaysia.

KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI FOTO	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	5
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.8 Organisasi Tesis	7

1.9	Kesimpulan	8
-----	------------	---

BAB 2 KAJIAN PERPUSTAKAAN

2.1	Pengenalan	9
2.2	Pengenalan kepada Orang Asli dan Tanah	9
2.3	Pengurusan Tanah dan Orang Asli	10
2.4	Undang-Undang Yang Berkaitan Pengurusan Tanah & Orang Asli Di Malaysia	13
2.4.1	Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)	14
2.4.2	Kanun Tanah Negara (KTN)	15
2.4.3	Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT 1960)	16
2.4.4	Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313)	18
2.4.5	Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76)	18
2.4.6	Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Berkenaan Hak Orang Asli (UNDRIP)	19
2.5	Defenisi Kajian	20
2.5.1	Orang Asli	21
2.5.2	Sistem Torrens	23
2.5.3	Kawasan Saka	24
2.6	Teori Berkaitan	26
2.6.1	Teori Konflik	26
2.7	Kerangka Teori	29
2.8	Isu dan Permasalahan	29
2.8.1	Kurang Hak Pemilikan Tanah bagi Orang Asli	29
2.8.2	Pengurusan Tanah dan Undang-Undang Berkaitan Orang Asli	33

2.8.3 Konflik tanah di antara Orang Asli dan Pihak Berkuasa Negeri.	35
2.9 Kesan Konflik Pengambilan Tanah Orang Asli	37
2.9.1 Perubahan Persekitaran Fizikal	37
2.9.2 Perubahan Sosioekonomi	38
2.9.3 Perubahan Sosiobudaya	39
2.10 Kaedah Penyelesaian Konflik Pengambilan Tanah Orang Asli	40
2.10.1 Dasar Pemberimilikan & Pembangunan Tanah Orang Asli (DPPTOA)	40
2.10.2 Inkuiiri Nasional	43
2.10.3 Penganugerahan Geran Komunal	46
2.10.4 Penggubalan Semula Undang-Undang	47
2.11 Kesamarataan Hak Orang Asli di Semenanjung Malaysia	49
2.12 Kesimpulan	50
BAB 3 KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN	
3.1 Pengenalan	51
3.2 Rekabentuk Kajian	51
3.3 Kaedah Kajian	53
3.3.1 Kajian Perpustakaan	54
3.3.2 Kaedah Temubual	55
3.3.3 Kajian Kes	56
3.4 Instrumen Kajian	56
3.4.1 Borang temubual semi struktur	56
3.4.2 Alat Bantu Kajian	57
3.5 Responden Kajian	58

3.6	Pensampelan Kajian	58
3.7	Kaedah Analisis Data	59
3.7.1	Analisis Kandungan	59
3.8	Etika dalam Kajian	60
3.9	Kawasan kajian	60
3.9.1	Justifikasi Kawasan Kajian	64
3.10	Kesimpulan	65

BAB 4**KONFLIK PENGAMBILAN TANAH ORANG ASLI**

4.1	Pengenalan	66
4.2	Analisis Data	66
4.2.1	Latar Belakang Responden Masyarakat Orang Asli	67
4.2.2	Analisis dan Dapatan Temubual masyarakat Orang Asli	68
4.2.2.1	Pemilikan Tanah Orang Asli	68
4.2.2.2	Pemahaman mengenai Undang-Undang	70
4.2.2.3	Penggubalan Semula Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)	72
4.2.2.4	Pemahaman mengenai Hak Asasi di Malaysia	75
4.3	Latar Belakang Responden Pihak Berkepentingan	76
4.3.1	Analisis dan Dapatan Temubual Pihak Berkepentingan	78
4.3.1.1	Pemilikan Tanah Orang Asli	78
4.3.1.2	Pemahaman mengenai Undang-Undang	82
4.3.1.3	Penggubalan Semula Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)	85
4.3.1.4	Pemahaman mengenai Hak Asasi di Malaysia	87
4.4	Perbincangan	88

4.5	Kesimpulan	98
-----	------------	----

BAB 5 KESAN PENGAMBILAN TANAH TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI

5.1	Pengenalan	99
5.2	Kesan Pengambilan Tanah Terhadap Orang Asli	99
5.2.1	Kesan Sosio Budaya	99
5.2.2	Kesan terhadap Persekutaran Orang Asli	
1105		
5.2.3	Kesan Ekonomi	110
5.3	Perbincangan	113
5.4	Kesimpulan	116

BAB 6 KADEAH PENYELESAIAN KONFLIK PENGAMBILAN TANAH ORANG ASLI

6.1	Pengenalan	117
6.2	Hasil Kajian	117
6.2.1	Kajian Kes 1 : Desa Temuan	118
6.2.2	Kajian Kes 2: Kg Bukit Tampoi, Dengkil	121
6.2.3	Kajian Kes 3 : Kg Peta, Johor	123
6.4	Cadangan Penyelesaian Masalah Berkaitan Tanah <i>saka</i> di antara Penduduk Kg Peta dan Taman Negara Johor	124
6.5	Cadangan Penyelesaian Masalah Pengambilan Tanah Orang Asli di Malaysia	125
6.5.1	Penggubalan Semula Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) 1974	125
6.5.2	Penganugerahan Geran Komunal	127
6.5.3	Kerjasama Daripada Semua Pihak	129

6.6	Perbincangan	131
6.7	Kesimpulan	134
BAB 7	RUMUSAN KAJIAN	
7.1	Pengenalan	135
7.2	Objektif 1: Memahami Bentuk Konflik Pengambilan Tanah Orang Asli	135
7.3	Objektif 2: Kesan Pengambilan Tanah Terhadap Masyarakat Orang Asli Yang Terlibat.	138
7.4	Objektif 3: Mengkaji Kaedah Penyelesaian Pengambilan Tanah Orang Asli yang Terlibat.	139
7.5	Teori Konflik dan Pengambilan Tanah Orang Asli	141
7.6	Limitasi Kajian	141
7.7	Cadangan Kajian Lanjutan	142
7.7	Signifikan Kajian	142
7.8	Kesimpulan	144
RUJUKAN		145
VITA		146

SENARAI JADUAL

2.1	Gambaran Mengenai Hak Milik Orang Asli Mengikut Undang-Undang Negara	11
2.2	Orang Asli dan Sub-golongannya	21
2.3	Hasil Dapatan Inkuiiri Nasional	45
4.1	Kod Bagi Responden Temubual Masyarakat Orang Asli	67
4.2	Pandangan Orang Asli Mengenai Pemilikan Tanah	69
4.3	Pandangan Undang-Undang oleh Masyarakat Orang Asli	71
4.4	Kod Responden Pihak Berkepentingan	71
4.5	Pemahaman Pemilikan Tanah Orang Asli Oleh Pihak Berkepentingan	79
4.6	Pemahaman Undang-Undang Oleh Pihak Berkepentingan	83
4.7	Tema Utama Yang Perlu Digubal Di Dalam Akta Orang Asli 1954	85
4.8	Jumlah Keluasan Tanah Orang Asli Pada Tahun 2008	90
4.9	Jumlah Keluasan Tanah Orang Asli Pada Tahun 2012	91
5.1	Fungsi dan Nilai Tanah	114
6.1	Jenis Pampasan dan Jumlah Pampasan Bagi Orang Asli Desa Temuan	117

SENARAI RAJAH

2.1	Kitaran Konflik	28
2.2	Tahap Kitaran Konflik	28
2.3	Kerangka Teori Kajian Mengikut Teori Konflik	30
3.1	Carta Alir Penyelidikan	52
3.2	Peta kawasan Kg Bukit Tampoi	61
3.3	Peta kawasan Desa Temuan	62
3.4	Peta Kawasan Desa Riang	63
3.5	Peta Kawasan Kg Peta	64
4.1	Analisa Tema Pemilikan Tanah Orang Asli Menurut Pandangan Orang Asli	68
4.2	Analisa Tema Pemahaman Undang-Undang Menurut Pandangan Orang Asli	71
4.3	Analisa Tema Pemahaman Hak Asasi Di Malaysia Menurut Pandangan Orang Asli	75
4.4	Analisa Tema Pemilikan Tanah Orang Asli Menurut Pandangan Pihak Berkepentingan	79

4.5	Analisa Tema Pemahaman Undang-Undang Menurut Pandangan Pihak Berkepentingan	82
4.6	Analisa Tema Pemahaman Hak Asasi di Malaysia Menurut Pandangan Pihak Berkepentingan	87
4.7	Kitaran Konflik	89
5.1	Analisa Tema Kesan Sosio Budaya	100
5.2	Analisa Tema Kesan Persekutaran Orang Asli	105
5.3	Analisa Tema Kesan Ekonomi Orang Asli	110
6.1	Pandangan Orang Asli Mengenai Geran Komunal	128
6.2	Pandangan Pihak Berkepentingan Mengenai Geran Komunal	129



PTTAUTHN
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI FOTO

5.1	Aktiviti spiritual di kawasan keramat, Kg Peta	101
5.2	Upacara pembersihan diri di kawasan Pantai Burung	102
5.3	Contoh ubatan herba yang diamalkan Orang Asli.	103
5.4	Rumah kediaman jenis banglo di Desa Temuan	106
5.5	Rumah apartment Desa Temuan	106
5.6	Lebuhraya berhadapan Kg Bukit Tampoi	107
5.7	Bentuk perumahan moden di Kg Bukit Tampoi	108
5.8	Bentuk rumah tradisional di Kg Peta	109
5.9	Bentuk rumah batu di Kg Peta	109
5.10	Sumber Pendapatan di Desa Riang	111
5.11	Sumber ekonomi di Kg Bukit Tampoi	111

SENARAI SINGKATAN

APT	Akta Pengambilan Tanah
CRC	Konvesyen Mengenai Hak Kanak-Kanak
ILO	Organisasi Buruh Antarabangsa
IMABT	Izin berdasarkan Maklumat Awal, Bebas dan Telus
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
KTN	Kanun Tanah Negara
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
POASM	Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia
ST	Sistem Torrens
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
UND RIP	Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asli

SENARAI LAMPIRAN

A1	Borang Temubual Bagi Responden Orang Asli	151
A2	Borang Temubual Bagi Responden Pihak Berkepentingan	156
B2	Surat Kebenaran Jabatan Kemajuan Orang Asli Untuk Menjalakan Penyelidikan	161
B3	Surat Kebenaran Jabatan Kemajuan Orang Asli Untuk Menjalakan Penyelidikan di Kg Peta	162
B4	Surat Kebenaran Jabatan Kemajuan Orang Asli Untuk Menjalakan Penyelidikan di Desa Temuan dan Kg Bukit Tampoi	164
C	Gambar Pampasan di Desa Temuan dan Kg Bukit Tampoi	165

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Orang Asli merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat Malaysia. Masyarakat Orang Asli mempunyai hak dan keistimewaan tersendiri seperti yang terkandung di dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Orang Asli telah dikategorikan kepada 3 suku kaum utama iaitu Melayu-Asli, Negrito dan Senoi di mana setiap suku ini dipecahkan kepada 6 suku kaum (JAKOA, 2012). Istilah Orang Asli sering digunakan bagi menggambarkan kumpulan etnik yang mempunyai ciri-ciri unik dari segi sejarah, identiti, budaya, bahasa dan agama yang tersendiri. Terdapat pelbagai definisi bagi menggambarkan keunikan dan kepentingan kaum ini di seluruh dunia oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (SUHAKAM, 2013).

Orang Asli mempunyai hubungan yang rapat dengan tanah dan sumber semulajadi yang terdapat di sekitar kawasan mereka. Tanah dan sumber semulajadi ini bukan sahaja merupakan sumber rezeki tetapi membentuk budaya, pengetahuan tradisi dan seterusnya menjadi identiti yang unik bagi masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pengiktirafan hak milik masyarakat Orang Asli terhadap tanah adalah penting bagi memberi peluang kepada pembangunan dan kesinambungan budaya serta pengetahuan tradisi masyarakat Orang Asli (SUHAKAM, 2013).

Tanah adalah sumber utama bagi semua hidupan yang terletak di muka bumi. Ia menyediakan tempat perlindungan, makanan dan sumber air kepada semua makhluk hidup. Peningkatan jumlah penduduk dunia telah menyebabkan tanah menjadi sumber yang terhad dan menjadi semakin berharga. Tanah juga boleh

menjadi simbol terhadap status, kuasa dan harta melalui kawalan ke atas tanah (FAO, 2005).

1.2 Latar Belakang Kajian

Sejak tahun 1950, perbincangan mengenai hak asasi dan pembangunan masyarakat Orang Asli telah giat dijalankan pada peringkat antarabangsa. Ini adalah kerana pentadbiran dan pengurusan berkaitan masyarakat Orang Asli adalah berbeza mengikut setiap negara. Konvensyen 107 Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) Mengenai Orang Asli telah menggalakkan setiap pemerintah negara untuk melibatkan Orang Asli di dalam projek pembangunan negara dan telah menyediakan panduan mengenai perlindungan Orang Asli (SUHAKAM, 2013)

Konvensyen 169 Organisasi Buruh Antarabangsa bukan sahaja mengiktiraf hak Orang Asli terhadap tanah tempat tinggal mereka, malah konvensyen ini turut mengiktiraf hak Orang Asli untuk menguruskan kawasan persekitaran mereka, hak untuk menggunakan sumber semulajadi yang terdapat di kawasan mereka, mengiktiraf kedudukan undang-undang adat dan mengiktiraf perwakilan daripada masyarakat Orang Asli di dalam sebarang urusan yang berkaitan masyarakat Orang Asli (SUHAKAM, 2013).

Namun, pada tahun 1970, Orang Asli dilihat mencabar semula dasar ini dan membuat tuntutan bahawa kehidupan mereka tidak terletak di tangan pemerintah tetapi adalah berdasarkan kepada pilihan mereka. Mereka menuntut hak mereka untuk mendapatkan kebebasan politik, sosial, budaya dan juga ekonomi. Kini, Orang Asli telah mendapat sokongan daripada organisasi bukan kerajaan (NGO) dan komuniti antarabangsa yang telah mengiktiraf Orang Asli sebagai pemilik yang sah bagi tanah, kawasan dan sumber yang berada di persekitaran mereka sehingga diwujudkan panduan di peringkat antarabangsa bagi melindungi kepentingan dan memberi pengiktirafan kepada Orang Asli (Colchester, *et al.*, 2001).

Pengambilan tanah Orang Asli di Malaysia sering berlaku akibat daripada pembangunan yang dijalankan di kawasan mereka melalui aktiviti pembalakan dan perladangan, kuari, perlombongan dan juga pembinaan kawasan perumahan (SUHAKAM, 2013). Selain itu, pengambilan tanah di kawasan Orang Asli juga

berlaku untuk kegunaan umum seperti yang termaktub di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 dengan tujuan untuk pembinaan lebuhraya, kawasan tadahan air, pewartaan sebagai kawasan rizab hutan, kawasan taman Negara dan kawasan taman Negeri menjadi punca kepada berlakunya konflik di antara Orang Asli dan juga Pihak Berkuasa Negeri (SUHAKAM, 2013).

Proses transformasi yang melanda kawasan perkampungan Orang Asli seringkali dijadikan isu perdebatan dalam usaha ke arah mencapai kesejahteraan masyarakat ini. Hal ini kerana proses tersebut mampu memberi impak positif dan juga negatif kepada Orang Asli termasuklah dari aspek sosio ekonomi mereka. Aspek sosio ekonomi tersebut termasuklah berkenaan aspek guna tenaga, demografi, pekerjaan, dan organisasi formal (A. Aziz, 2001). Pembangunan yang dijalankan untuk menghasilkan impak yang positif kadangkala menghasilkan impak negatif atas sebab perancangan yang lemah dan ketidaksediaan komuniti untuk menerima proses pembangunan tersebut (A. Aziz, 2001).

1.3 Permasalahan Kajian

Pembangunan tanah yang dijalankan oleh pihak kerajaan di kawasan tanah Orang Asli telah menimbulkan konflik di antara pihak yang terlibat dan masyarakat Orang Asli (SUHAKAM, 2013). Keadaan ini telah menyebabkan Orang Asli telah kehilangan tempat tinggal dan kawasan pencarian sumber hutan bagi menyara kehidupan mereka. Sistem Torrens yang diamalkan oleh Malaysia melalui Kanun Tanah Negara 1965 hanya memberi kepentingan terhadap tanah yang didaftarkan di Pejabat Pendaftaran Tanah, manakala tanah adat Orang Asli yang diwarisi dari generasi ke generasi tidak termasuk dalam sistem pendaftaran mengikut undang-undang tanah Malaysia (Hamid & Harun & Ali, 2011).

Kerajaan Negeri berkuasa untuk mengambil semula sebarang tanah termasuk tanah yang didiami oleh Orang Asli melalui Akta Pengambilan Tanah 1960 dengan tujuan untuk pembangunan untuk kesejahteraan umum seperti pembinaan sekolah, jalan raya dan sebagainya. Orang Asli hanya dianggap sebagai penyewa terhadap tanah dan tiada hak milik secara individu diberikan kepada mereka berdasarkan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) (Hamid, *et al.*, 2011). Mahkamah Tinggi Johor dalam

kes Adong bin Kuwau telah memutuskan hak Orang Asli terhadap tanah perlu diputuskan mengikut tradisi Orang Asli, dan Adong hanya layak diberi pampasan terhadap kehilangan sumber kehidupan dan bukan berdasarkan nilai tanah (Hamid, *et al.*, 2011).

Cotula & Mayers, (2009) telah menyatakan di dalam kajiannya bahawa negara Cameroon, Guyana, Indonesia, Malaysia dan Republic Kongo telah menetapkan bahawa semua tanah yang tidak di daftarkan di bawah sistem pendaftaran tanah telah menjadi tanah kepunyaan negeri tersebut. Ini telah menyebabkan sebilangan besar tanah Orang Asli yang tidak berdaftar atau di uruskan secara institusi adat tidak diiktiraf hakmilik Orang Asli sebaliknya ia merupakan tanah milik kerajaan di bawah sistem undang-undang tanah negara. Di dalam kajian ini juga, negara Brazil dan Cameroon telah menunjukkan peningkatan untuk mempergiatkan pendaftaran hakmilik tanah secara individu atau kelompok dan mengiktiraf hakmilik tanah adat Orang Asli di negara mereka.

Konflik pengambilan tanah sering kali menjadi penyumbang kepada masalah kekurangan makanan, peluang kehidupan yang terhad, dan kemiskinan (FAO, 2005). Pengiktirafan hakmilik terhadap tanah perlu dipertimbangkan dalam menjalankan pembangunan terutamanya bagi kawasan luar bandar. Perkara ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada pihak kerajaan dalam menangani masalah pemilikan tanah yang hendak dibangunkan (FAO, 2005). Kes Mabo di Australia telah menjadi rujukan bagi Orang Asli di seluruh dunia dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan hakmilik terhadap tanah yang diusahakan dan kawasan adat mereka. Selain itu, konflik pengambilan tanah juga berlaku di benua Afrika yang melibatkan di antara penduduk Orang Asli dan pihak pemerintah (FAO, 2005).

1.4

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab kepada persoalan kajian yang berikut:

- 1) Apakah bentuk konflik yang berlaku akibat daripada pengambilan tanah masyarakat Orang Asli yang terlibat?

- 2) Apakah kesan yang berlaku akibat daripada pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat ?
- 3) Bagaimanakah kaedah penyelesaian konflik di antara pihak berkuasa negeri dan masyarakat Orang Asli yang terlibat akibat daripada pengambilan tanah?

1.5

Objektif Kajian

Matlamat kajian ini dijalankan bagi mengetahui isu dan permasalahan mengenai pemilikan dan pengambilan tanah Orang Asli yang berlaku di Negeri Johor dan Selangor. Oleh itu, objektif kajian yang terdapat di dalam kajian ini adalah untuk:

- 1) Mengenalpasti konflik yang berlaku akibat daripada pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat.
- 2) Menganalisis kesan pengambilan tanah terhadap masyarakat Orang Asli yang terlibat.
- 3) Menjelaskan usaha penyelesaian konflik pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat.

1.6

Skop Kajian

Kajian ini telah dijalankan di tiga buah perkampungan Orang Asli iaitu perkampungan Kg Orang Asli Peta yang terletak di negeri Johor dan dua buah kampung yang terletak di negeri Selangor iaitu Desa Temuan dan Kg Orang Asli Bukit Tampoi. Perkampungan Orang Asli ini telah dipilih kerana kawasan tersebut telah terlibat dengan proses pengambilan tanah di kawasan tersebut dengan tujuan pembangunan untuk kepentingan awam seperti yang dinyatakan di dalam Akta

Pengambilan Tanah 1960. Responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah terdiri daripada wakil masyarakat Orang Asli , wakil agensi jabatan kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Tanah/Daerah bagi negeri Johor dan Selangor, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Perbadanan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM), dan ahli akademik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaedah temubual telah dilakukan sepanjang kajian dilakukan bagi mengenalpasti konflik yang berlaku akibat pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat, menganalisis kesan pengambilan tanah terhadap masyarakat Orang Asli yang terlibat serta menjelaskan usaha penyelesaian konflik pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat.

1.7

Kepentingan Kajian

Kajian terhadap isu pengambilan tanah terutamanya mengenai tanah adat atau “*saka*” dapat memberikan satu dapatan yang penting dalam memahami aspek sosial dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Sumbangan kajian ini dapat menambah kepada bidang pengetahuan mengenai Orang Asli, perundangan yang berkaitan dengan tanah dan Orang Asli serta memberi pemahaman sebenar mengenai kedudukan Orang Asli dan tanah *saka* dari segi undang-undang. Kajian ini memaparkan keadaan sebenar berkaitan dengan pengambilan tanah Orang Asli bagi masyarakat Orang Asli yang terdapat di negeri Johor dan Selangor. Kajian ini memaparkan bentuk konflik yang berlaku, kesan pengambilan tanah terhadap masyarakat Orang Asli yang terlibat serta kaedah penyelesaian bagi pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat. Kesamarataan hak Orang Asli di Malaysia diharap dapat dilaksanakan apabila kesemua lapisan masyarakat Malaysia memahami dan menghormati hak Orang Asli sebagaimana hak-hak yang dinikmati bersama bagi warganegara Malaysia yang lain.

1.8**Organisasi Tesis**

Kajian ini disusun mengikut aturan serta turutan bab-bab bagi memudahkan serta melancarkan kajian kes ini.

Bab 1

Bab 1 adalah bab pengenalan. Di dalam bab ini, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian telah dinyatakan. Segala komponen di atas dijadikan sebagai satu garis panduan agar bidang kajian penulisan ini menetapi skop serta kehendak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

Bab 2

Bab 2 membincangkan mengenai hasil kajian perpustakaan yang telah dilakukan. Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk ini diperoleh melalui buku, jurnal, kertas seminar, tesis, surat khabar, internet dan sebagainya. Maklumat yang telah diperoleh melalui kajian perpustakaan ini diolah semula bagi memudahkan pemahaman mengenai isu pengambilan tanah dengan lebih mendalam. Kajian perpustakaan ditulis berdasarkan kepada kerangka teori kajian sebagai panduan agar penulisan sentiasa terarah dan tidak tersasar daripada objektif dan matlamat asal kajian ini. Huraian kerangka teori adalah melibatkan kepada isu yang timbul serta masalah yang dihadapi oleh Orang Asli dalam menuntut hak pemilikan dan pampasan terhadap tanah. Bab ini juga membincangkan kesan-kesan terhadap masyarakat Orang Asli akibat daripada pengambilan tanah. Selain itu, langkah penyelesaian bagi pengambilan tanah dan matlamat kajian turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab 3

Bab 3 menghuraikan mengenai kaedah kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat semasa penyelidik berada di lapangan. Kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen telah digunakan semasa menjalankan kajian ini. Pensampelan kajian juga ditentukan bagi membolehkan data yang diperoleh mewakili populasi yang dikaji.

Bab 4

Bab 4 menerangkan mengenai hasil kajian objektif pertama iaitu bentuk konflik yang berlaku akibat daripada pengambilan tanah Orang Asli. Hasil data yang diperoleh daripada lapangan dibentangkan di dalam bab ini.

Bab 5

Bab 5 membincangkan mengenai hasil kajian objektif kedua iaitu kesan yang berlaku akibat pengambilan tanah Orang Asli yang terlibat. Data yang telah diperoleh melalui temubual dan pemerhatian dibentangkan di dalam bab ini.

Bab 6

Bab 6 menerangkan mengenai hasil kajian objektif ketiga iaitu kaedah yang telah dilakukan bagi mengatasi konflik pengambilan tanah di kawasan Orang Asli. Kaedah penyelesaian yang telah dilakukan dibentangkan dan dibincangkan di dalam bab ini.

Bab 7

Bab 7 merupakan bahagian cadangan dan juga langkah penyelesaian yang bersesuaian dikemukakan oleh pengkaji sebagai usaha dalam menyelesaikan konflik pengambilan tanah Orang Asli terutama kawasan saka yang berlaku di dalam Malaysia. Cadangan kajian lanjutan juga disyorkan berdasarkan kepada hasil penemuan kajian yang telah dijalankan.

1.9 Kesimpulan

Bab 1 adalah merujuk kepada pengenalan bagi latar belakang kajian ini, permasalahan kajian ditentukan. Skop kajian ini juga diterangkan di mana kajian ini dijalankan di dua buah negeri iaitu Johor dan Selangor. Selain itu, kepentingan kajian serta organisasi tesis ini juga diterangkan di dalam Bab 1 bagi menerangkan mengapa kajian ini dilakukan dan bagaimana persempahan kajian ini akan dibuat oleh penyelidik. Seterusnya, di dalam bab 2 akan membincangkan mengenai sorotan karya yang berkaitan dengan isu pengambilan tanah Orang Asli yang telah berlaku.

RUJUKAN

- A. Aziz, R. (2000). Perancangan Pembangunan Sosioekonomi : *Dasar, Strategi dan Pelaksanaan*. Dlm. Negara, Pasaran & Pemodenan Malaysia. disunting oleh Abdul Rahman Embong. Bangi : UKM
- A. Aziz, R. (2001). *Pengantar Sosiologi Pembangunan : Edisi Kedua*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Bakar, A. (2002). Psikologi Personaliti Individu. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- A. Bakar, Md. S. (1995). *Metodologi Penyelidikan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias, A., Kamaruzzaman, S. N. & Daud, Md. N. (2010). Traditional Land Acquisition and Compensation :The Perception of the Affected Aboriginal People in Malaysia. *International Journal of the Physical Science Vol.5*. pp.1696 – 1705, 18 September 2010.
- Alias, A. & Daud, Md N. (2011). *Saka : Adequate Compensation for Orang Asli Native Land*. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Amir, J. (2005). *Teknik Wawancara*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing.
- Anaya, S. J., & Williams Jr, R. A. (2001). Protection of Indigenous Peoples' Rights over Lands and Natural Resources under the Inter-American Human Rights System, The. *Harv. Hum. Rts. J.*, 14, 33.
- Andersen, K. E. (2011). *Communal Tenure And The Governance Of Common Property Resources In Asia*, (April).
- Asian Indigenous & Tribal Peoples Network. (2008). *The Department Of Orang Asli Affairs, Malaysia : An Agency for Assimilation*. New Delhi: India.
- Bergstrom, J. C. (2005). *Postproductivism and changing rural land use values and preferences*, disunting oleh Stephan J. Goetz, James S. Shortle dan John C. Bergstrom. New York. Routledge Taylor & Francis Group.

- Buang, S. (2003). *Kanun Tanah Negara 1965 dan Pelbagai Undang-Undang Berkaitan Tanah: Satu Tinjauan*. 98–112.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan : Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia : Mc Graw Hill Education.
- Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design Second Edition*. United States of America. Sage Publication.
- Colchester, M. & MacKay, F & Griffiths, T. & Nelson, J. (2001). *A Survey of Indigenous Land Tenure*. United Kingdom : Food and Agriculture Organization of the United Nations.
- Cotula, L. & Mayers, J. (2009). *Tenure in REDD Start-point or afterthought?* United Kingdom : International Institute for Environment and Development (IIED).
- Dale, P. & Mc Laughlin, J. (2003). *Land Administration*, United Kingdom . Oxford University Press.
- Duncan, C. R. (Ed.). (2008). *Civilizing the margins: Southeast Asian government policies for the development of minorities*. NUS Press.
- Food And Agriculture Organization Of The United Nations. (2005). *Access to rural land and land administration after violent conflicts*. Rome,
- Ganason, A. (1965). *Land Administration System In Malaysia : A Proposal for Rebranding the Functions of the Federal Lands Commissioner and the Department of Director General of Lands and Mines, 1965*, 1–7.
- Goode, W. J., & Hatt, P. K. (1952). *Methods in social research*. McGraw-Hill Book Company. Singapura
- H. Burton, E. M. & V. Stein, J.& Gartzke, E. (2008). *International Organizations Count*. *Journal of Conflict Resolution*, 52(2), 175–188.
doi:10.1177/0022002707313687
- Hamid, N. A. & Harun, N. & Ismail, N. (2011). Pengambilan Tanah bagi Pembangunan Ekonomi : Isu dan Penyelesaian. *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat*. 135-148.
- Hamzah, A., & Bulan, R. (2003). *An introduction to the Malaysian legal system*. Fajar Bakti.
- Ho W. J. (2010). *Conflict Management and Resolution*. New York. Routledge Taylor & Francis Group.
- Hunt, A. W. (2005). *Bengkel Membincang Pindaan Akta 134*. Port Dickson.

- Idris, A., Kosman, I., Selamat, M. & Mohd Noor, Y. (2007). *Teks Rujukan Kenegeraan Malaysia Pengajian Am*. Local Publication
- Institut Tanah dan Ukur Negara, (2013). Alamat di atas talian, <http://www.instun.gov.my> [Dicapai pada 5 Mei 2013].
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2012). Alamat di atas talian www.jakoa.gov.my. [Dicapai pada Disember 2012].
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2013). *Dasar Pemberimanikan dan Pembangunan Tanah Orang Asli (DPPTOA)*.
- Jabatan Kemajuan dan Hal Ehwal Orang Asli Kanada. (2013). Alamat atas talian, <http://www.jakoa.gov.my> [Dicapai pada 5 Oktober 2013].
- Jabatan Peguam Negara. (2013). Alamat di atas talian , <http://www.agc.gov.my> [Dicapai pada 15 Ogos 2013].
- Jabatan Tanah dan Ukur Sabah. (2013). Alamat di atas talian, <http://www.jtu.sabah.gov.my>. [Dicapai pada 2 September 2013].
- Jayasuriya, K. (Ed.). (2006). *Law, capitalism and power in Asia: the rule of law and legal institutions*. Routledge.
- K. Lazar, M. (nd). *Land Concession, Land Tenure and Livelihood Change : Plantation Development in Attapeu Province, Southern Laos*. Laos : National University of Laos.
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. <http://www.nre.gov.my>
[Dicapai pada 2 Mac 2013]
- Kerajaan Malaysia, (2005). Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) 1974, Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia, (2005). Akta Pengambilan Tanah 1960, Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia, (2005). Akta Perhutanan 1984, Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia, (2005). Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972. Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia, (2005). Kanun Tanah Negara 1960, Kuala Lumpur.
- Kerajaan Malaysia, (2005). Perlembagaan Persekutuan Malaysia Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Konting, Md. M. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langton, M. & Palmer, L.(2003). *Modern Agreement Making and Indigenous People in Australia: Issues and Trends' 8(1)* Australian Indigenous Law Reporter 1-31;

- Lim H. S. (2000). *The Land Right Of The Orang Asli*. Customer Associate of Penang.
- Long, B. & Henriques, J. & Andersen, H. S. & Gausset, Q. & Egay, K. (2003). *Land Tenure In Relation To Crocker Range National Park*. (March), 1–11.
- M. Nor, H. & Idris. S & Aziz, S. & Aziz, A. G. (2001). Manusia, Alam Sekitar dan Pembangunan : Bicara Pengalaman Komuniti Orang Asli. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- M. Nor, H., Md Nor, A. R., Rostam, K., Mohamed, A. @ E. & Sakawi, Z. (2009) Mengapa kami jadi begini? konflik masyarakat orang Seletar dan pembangunan Iskandar, Johor Bahru, Malaysia (conflicts in the Iskandar development region: the case of Johor Bahru's Orang Seletar, Malaysia). *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 5 (2). pp. 16-26. ISSN 2180-2491
- Masri, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Mee, S & Ibrahim, Y. (2009). *Komuniti Pembangunan & Transformasi*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Miswan, H., Hakim, A., Hamid, A., Iman, M. & Madya, P. (2009). *Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam*, Dewan Besar Institut, 1–22.
- Mok, S. S. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan. Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*.
- Nicholas, C. (2000). *The Orang Asli and the contest for resources: indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Sage Publication, London.
- Redzuan, M. (2008). Kepimpinan dan Pembangunan Orang Asli. Dlm. *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*, disunting oleh Ma'Rof Redzuan & Sajit S. Gill. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Tasi, S. (2002). *Sagong Bin Tasi dan Ors V Kerajaan Negeri Selangor and Ors*. 2 MLJ 591, Jurnal Undang-Undang Malaysia. Kuala Lumpur.
- Schwartzman, S. & Zimmerman, B. (2005). *Conservation Alliances with Indigenous People of the Amazon*.

- Smith, A. (1997). *Indigenous Research Ethics: Policy, Protocol and Practice*. Australian Journal of Indigenous Education, 25(1): 23-29
- Suruhanjaya Hak Asasi Kemanusiaan Malaysia. (2009). *Suhakam Report On The Murum Hydroelectric Project And Its Impact Towards The Economic, Social And Cultural Rights Of The Affected Indigenous People In Sarawak*. Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2010). Deklarasi Pertubuhan Bnagsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal. Kuala Lumpur.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2013). *Laporan Inkuiiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli*. Kuala Lumpur.
- Sobrevila, C. (2008). *The Role Of Indigenus People in Biodiversif Conservation*. The World Bank.
- Toh, S. M., & Grace, K. T. (2007). *Case study : Sabah forest ownership Food and Agriculture Organization of the United*.
- Wall, J. A & Callister, R. R. (1995). Conflicts and Its Management. *Journal of Management, Issues 3, Volume 21*. p 515-588.
- Xiao, H. C., Ke, Z. & Xiang, L. (2012). Improving Employee's Job Satisfaction and Innovation Performance Using Conflict Management. *International Journal of Conflict Management*. Volume 23, Issues 2, P 151-172.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y. & Hamdan, A. R. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisi & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing.
- Yusof, R. (1996). *Asas Sains Sosial : Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria, Z. (2006). Pengambilan Tanah Secara Paksa di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960: Gangguan kepada Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia Persekutuan?. *Jurnal Syariah*. Edisi ke-14, Isu 2, m/s 73-86.
- Zaki, P. H., Hamzah, M. Z., Ismail, M. H., Wahidin, K., & Hamid, H. A. (2010). *Malay customary tenure and conflict on implementation of colonial land law in Peninsular Malaysia* 2(2), 33–45.